



DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
MINISTER OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA MALAYSIA

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

ARAHAN MENTERI MENGENAI PENGGUNAAN DANA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SURUHANJAYA) SEBANYAK RM100 JUTA UNTUK MEMBANTU SUMBER PERUNTUKAN KERAJAAN BAGI DANA INDUSTRI KANDUNGAN DIGITAL

ARAHAN MENTERI NO. 2 TAHUN 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (*Akta 588*), Menteri mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya seperti berikut:

Nama dan Permulaan Kuat Kuasa

1. Arahan ini boleh dinamakan **Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Dana Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (Suruhanjaya) Sebanyak RM100 Juta Untuk Membantu Sumber Peruntukan Kerajaan Bagi Dana Industri Kandungan Digital (DIKD)**.
2. Arahan Menteri ini berkuatkuasa pada tarikh ia didaftarkan.

Tafsiran

3. Apa-apa terma yang digunakan dalam **Arahan** ini hendaklah, melainkan ditafsirkan di dalam **Arahan** ini atau jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta atau Peraturan-peraturan di bawahnya.

Penggunaan Dana Suruhanjaya Sebanyak RM100 Juta untuk Membantu Sumber Peruntukan Kerajaan bagi Dana DIKD

4. Dalam pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan penubuhan Dana DIKD di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sebanyak RM100 juta bagi membangunkan industri kreatif.

5. Mesyuarat MSC Malaysia *Implementation Council* (ICM) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 November 2014 telah memutuskan agar Dana DIKD ini diuruskan oleh Content Malaysia, selaku badan koordinasi sehenti yang berperanan menyelaras dan menentukan halatuju strategik industri kreatif. Cadangan penubuhan Content Malaysia juga telah dibentang dan dipersetujui pada mesyuarat yang sama.

6. Suruhanjaya hendaklah mengambil semua langkah yang perlu bagi melaksanakan perenggan 4 dan 5 di atas.

7. Menteri boleh pada bila-bila masa mengubahsuaikan, mengubah atau membatalkan **Arahan** ini.

Tarikh: / April 2015

[KKMM.SKOM.KM(S)600-1/2(7)]



DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
Menteri Komunikasi dan Multimedia